



Baca @Ramadan



Bulan Ramadan penghulu segala bulan mempunyai banyak kelebihan berbanding bulan-bulan lain. Antara kelebihan terunggul Ramadan adalah lailatul qadar (malam al-qadr), pahala beribadah pada malam tersebut yang lebih baik daripada seribu bulan. Firman Allah dalam Surah Al-Qadr, Ayat 3 yang bermaksud : *“Malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan.”* Bulan Ramadan Allah SWT menawarkan pelbagai “bonus” untuk direbut oleh umat Islam menerusi amal ibadat yang mereka lakukan.

Bulan Ramadan yang dilalui oleh umat Islam saban tahun perlu ada peningkatan dari segi amal ibadat yang dilakukan. Umat Islam perlu meningkatkan ibadah kerohanian selaras dengan peluang yang diberikan oleh Allah SWT yang telah memanjangkan umur kita sehingga sampai ke Ramadan pada tahun ini. Justeru itu, dalam meniti baki beberapa hari Ramadan yang ada ini, marilah kita berusaha menghidupkan malam Ramadan kita dengan amalan-amalan solat tarawih, qiamullail, tadarus Al-Quran, berzikir, bersalawat dan beristighfar.

Asas kepada ibadah puasa iaitu menahan diri dari makan dan minum serta perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa. Semua itu terpaksa kita tinggalkan di siang hari Ramadan demi mengejar takwa kita terhadap Allah SWT. Keadaan ini sering menyebabkan kita rasa letih dan sering memberi alasan malas untuk melaksanakan rutin urusan harian kita yang lain di bulan Ramadan yang mulia ini.

Dalam menelusuri sejarah Islam, banyak peristiwa penting telah berlaku pada bulan Ramadan yang semuanya menuntut kekuatan jasmani umat Islam pada ketika itu walaupun mereka sedang menjalani



ibadat puasa. Peristiwa perang Badar, pembukaan kota Mekah, pembukaan kota Andalus oleh tentera yang dipimpin Tariq bin Ziyad, pengusiran keluar tentera salib daripada bumi Palestin oleh tentera yang dipimpin Salahuddin al-Ayyubi dan kejayaan tentera kerajaan Utmaniah menghalang kemaraan bala tentera Russia yang semuanya berlaku pada bulan Ramadan.

Tentera Islam walaupun mempunyai bilangan yang sedikit dan dalam keadaan berpuasa sering dapat mengatasi bilangan besar tentera musuh Islam. Contohnya dalam Perang Badar, kekuatan tentera Islam hanya 313 orang sahaja, namun tentera Muslimin telah berjaya menewaskan tentera musyrikin yang lengkap bersenjata seramai 1000 orang.

Ini jelas bahawa umat terdahulu amat memahami dengan mendalam falsafah Ramadan yang merupakan bulan untuk mendidik mereka tentang erti pengorbanan yang sebenar. Puasa bukan penghalang untuk mereka berjuang dengan kekuatan fizikal demi untuk mempertahankan kesucian Islam.

Umat Islam pada hari ini perlu menjadikan senario ini sebagai pedoman dalam kehidupan. Kita perlu mengharungi Ramadan ini tanpa memberikan alasan berpuasa untuk mengelakkan diri dari melaksanakan tanggungjawab mempertahankan dan meninggikan syiar Islam.

Kita perlu mengatur strategi dan mengambil pelbagai inisiatif untuk meningkatkan produktiviti dalam melaksanakan urusan harian kita yang lain seperti bekerja, belajar, berniaga, menguruskan keluarga, aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya. Nikmat iman dan Islam di bulan Ramadan akan lebih terasa sekiranya kita gigih dalam beribadat dan melaksanakan pelbagai urusan harian yang lain. Produktiviti kita sentiasa mantap walaupun diri kita sedang menjalani ibadah berpuasa.



Ramadan bukan sahaja menuntut pengorbanan nafsu makan, minum, tidur, hubungan kelamin dan lain-lain, namun ia juga menuntut pengorbanan jiwa raga bagi meninggikan syiar Islam. Maka sebab itulah di zaman awal Islam dahulu, bulan Ramadan dipenuhi dengan pelbagai peristiwa penting demi untuk menegakkan kalimah Allah.



Marilah sama-sama kita menghayati semangat Ramadan yang sebenar. Saat berada di 10 hari terakhir Ramadan ini kita perlu melipat gandakan lagi ibadat kita kepada Allah SWT. Wajibkan ke atas diri kita untuk berqiyamullail pada setiap malam bagi mengejar Lailatul Qadr. Di samping itu terus tingkatkan kualiti puasa kita tanpa mengurangkan kegiatan-kegiatan “duniawi” kita.

Urusan kerja dan urusan harian pada siang hari perlu terus dipertingkatkan produktivitinya. Urusan duniawi seperti kerja-kerja harian yang selaras dengan kehendak Shariah serta kegiatan yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi baik di bidang perkhidmatan, perniagaan dan lain-lain sebenarnya adalah suatu bentuk ibadat sekiranya mematuhi segala suruhan dan larangan Allah SWT.

Amal soleh atau ibadat dalam agama Islam tidak terhad untuk solat, puasa, zakat atau haji. Ia merangkumi pelbagai kegiatan yang selaras dengan kehendak Shariah yang dilakukan oleh manusia. Ini termasuklah juga urusan harian dan segala kegiatan ekonomi untuk memenuhi keperluan kehidupan.



Baca @Ramadan

Kesimpulannya, kita perlu jadikan umat Islam terdahulu sebagai pedoman dalam memanfaatkan sepenuhnya bulan Ramadan dengan aktiviti ibadah dan waktu siangnya menitis keringat berjihad dan bekerja di jalan Allah. Itu adalah resepi kejayaan umat Islam sehingga menjadikan Islam tersebar luas ke seluruh pelusuk dunia. Semoga Ramadan pada tahun ini kita akan menjadi insan yang terbaik dan berkualiti dalam semua aspek kehidupan.



Ustaz Norzaidan Bin Haji Hamad
Pegawai Hal Ehwal Islam